



Oleh Roziha Che Haron dan
Nurul Nabilah Sulaiman

Sektor pembinaan masih kurang patuh syariah



WALAUPUN Malaysia peneraju global kewangan Islam dan halal, prinsip syariah masih belum diterapkan sepenuhnya dalam sektor pembinaan.

DI Malaysia, sektor pembinaan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan negara.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor ini menyumbang kira-kira 3.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2023, dengan nilai kerja pembinaan melebihi RM122 bilion.

Malah, pada suku pertama 2025, sektor ini terus menunjukkan perkembangan positif dengan pertumbuhan nilai kerja sebanyak 16.6 peratus, iaitu mencecah RM42.9 bilion. Angka ini jelas membuktikan sektor pembinaan bukan sekadar penyumbang ekonomi tetapi juga penggerak utama kepada transformasi infrastruktur negara.

Namun begitu, terdapat satu hakikat yang sering terlepas pandang. Walaupun Malaysia diiktiraf sebagai peneraju global dalam bidang kewangan Islam dan pensijilan halal, prinsip syariah masih belum diterapkan secara menyeluruh dalam sektor pembinaan.

Hal ini amat ketara dalam aspek kontrak pembinaan dan tadbir urus projek. Ironinya, dalam sebuah negara dengan struktur perundangan Islam yang kukuh termasuk kewujudan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), institusi zakat serta sistem wakaf namun projek pembangunan Islam masih banyak bergantung kepada kontrak konvensional.

Sebagai contoh, projek-projek pembangunan wakaf, pembinaan masjid, sekolah agama atau perumahan rakyat yang dibiayai dengan dana Islam masih menggunakan kontrak standard sedia ada seperti Kontrak Standard Jabatan Kerja Raya (PWD) atau Kontrak Standard Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM). Walaupun kedua-dua kontrak ini telah lama diamalkan dalam industri dan terbukti berkesan, ia tidak dirangka berdasarkan prinsip syariah.

Bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh MAIN, yang menguruskan tanah wakaf, dana amanah Islam serta pembangunan untuk kepentingan awam, isu

ini tidak boleh dipandang ringan. Projek sebegini lazimnya melibatkan dana masyarakat dan dana kebajikan. Oleh itu, kontrak yang digunakan bukan sahaja perlu menepati prinsip tadbir urus moden, tetapi juga mestilah mematuhi nilai-nilai Islam seperti keadilan ('*adl*), amanah, ketelusan, serta penghindaran *gharar* (ketidaktentuan) dan *riba* (penindasan).

Kontrak pembinaan patuh syariah tidak boleh dianggap sekadar versi Islamik kepada kontrak biasa. Ia membawa falsafah yang lebih mendalam. Antaranya ialah:

- Terma yang jelas dan difahami oleh semua pihak.
- Persetujuan bersama yang adil tanpa unsur paksaan.
- Perkongsian risiko secara saksama.
- Ketelusan dari segi kos dan keuntungan.

Lebih penting, kontrak patuh syariah memastikan setiap wang yang dibelanjakan memberi nilai terbaik, selaras dengan tanggungjawab juruukur bahan (QS) dan pengurus projek yang mengawal kos secara beretika.

Dengan itu, kontrak ini bukan sahaja menjaga kepentingan pihak terlibat tetapi juga mengangkat masalah umum atau kepentingan awam, khususnya apabila projek dibiayai dengan dana

masyarakat.

Hakikatnya, kebanyakan projek pembinaan di Malaysia termasuk yang melibatkan institusi Islam masih menggunakan kontrak konvensional. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah:

- Ketiadaan model rasmi kontrak pembinaan patuh syariah yang diiktiraf oleh agensi berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- Kekurangan kefahaman dalam kalangan pemain industri mengenai kontrak berasaskan syariah seperti *istisna'* (kontrak tempahan) atau wakalah (kontrak perwakilan).
- Tiada garis panduan jelas bagaimana institusi kewangan Islam boleh terlibat secara langsung dalam pembiayaan projek pembinaan.
- Kurangnya penekanan kepada pengurusan kos berlandaskan syariah.
- Ketiadaan mekanisme penyelesaian pertikaian syariah yang sistematik dan diterima secara menyeluruh oleh industri.

Kelemahan-kelemahan ini menyebabkan banyak institusi masih memilih untuk menggunakan kontrak sedia ada, walaupun tidak

sepenuhnya selari dengan prinsip Islam.

Walaupun begitu, terdapat perkembangan positif yang boleh dijadikan asas ke arah penyelesaian. Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC) misalnya, memperkenalkan peraturan *i-Arbitration* serta kontrak pembinaan patuh syariah (i-SFC) bagi menangani pertikaian dalam kewangan Islam dan sektor lain.

Inisiatif ini membuktikan wujud potensi besar untuk membina model kontrak dan mekanisme penyelesaian pertikaian yang berpaksikan syariah.

Model kontrak sebegini mampu memberi banyak manfaat. Antaranya, ia berpotensi mengurangkan pertikaian, meningkatkan ketelusan, memperkukuh kepercayaan serta menyelaraskan amalan industri dengan prinsip tadbir urus Islam. Ia sekali gus membina keyakinan masyarakat bahawa projek-projek pembangunan dijalankan secara adil, cekap dan telus.

JALAN KE HADAPAN

Malaysia mempunyai kepakaran, institusi, serta pengalaman yang cukup untuk merealisasikan perkara ini.

Dengan adanya MAIN, institusi zakat, sistem wakaf, serta agensi kerajaan

yang berkaitan, kita sudah mempunyai landasan kukuh. Apa yang diperlukan hanyalah keberanian politik, kesediaan industri dan komitmen bersepadu untuk mengintegrasikan kontrak pembinaan patuh syariah.

Mengintegrasikan prinsip Islam ke dalam kontrak pembinaan bukan sahaja akan melahirkan infrastruktur yang lebih baik, malah mewujudkan industri pembinaan yang beretika, inklusif dan mampan.

Hal ini akan meletakkan Malaysia di barisan hadapan dunia, bukan sekadar dalam kewangan Islam, tetapi juga dalam sektor pembinaan yang berpaksikan syariah.

Kini tiba masanya sektor pembinaan bergerak seiring dengan kewangan Islam, bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan agama, tetapi untuk membina masa hadapan negara yang lebih telus, adil dan sejahtera.

PROFESSOR Dr. Roziha Che Haron ialah Pensyarah di Jabatan Ukur Bahan, Kulliyah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan merupakan ahli bagi Jawatankuasa Akta, Peraturan dan Hubungan Antarabangsa, Lembaga Jurukur Bahan Malaysia Sesi Ke 22.

NURUL Nabilah Sulaiman ialah pelajar Pasca Ijazah Kulliyah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).